

# Terima kasih bendahari UPM

MERUJUK surat saya "Graduan UPM masih tunggu biasiswa" bertarikh 12 November lalu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada bendahari, Universiti Putra Malaysia (UPM), kerana telah menyelesaikan masalah biasiswa saya.

Saya menghargai usaha yang dilakukan oleh bendahari sehingga sanggup menelefon saya sendiri untuk mengetahui masalah itu.

Berikutan itu saya berharap segala maklumat dan prosedur berkaitan kewangan pelajar hendaklah dijelaskan secara lengkap agar tidak timbul kekeliruan.

**NAIMAH MS,**  
Skudai, Johor.

---